

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI SELATAN

PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH DEWAN SERBAGUNA JAWI, MEDAN SELERA JAWI DAN BANGUNAN KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN

NO. SEBUT HARGA : PDTSPS/02/2023(02)

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut.
2. Maklumat sebut harga serta kelayakan asas kontraktor adalah seperti berikut :

KOD SEBUT HARGA / SPESIFIKASI SEBUT HARGA / KOD BIDANG / STATUS SYARIKAT	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN TEMPAT HANTAR
PDTSPS/02/2023(02) Perkhidmatan Mencuci dan Membersih Dewan Serbaguna Jawi, Medan Selera Jawi dan Bangunan Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Seberang Perai Selatan, 14200 Sungai Jawi, Pulau Pinang mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2025 (2 Tahun). Kementerian Kewangan 221001 (Pembersihan Bangunan) dan 221002 (Membersih Kawasan)	Tarikh Lawatan Tapak : 28 November 2023 (Selasa) Tempat Taklimat : Bilik Mesyuarat Mawar, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Tarikh Jualan : 29 November 2023 (Rabu) Kaedah : Perolehan secara atas talian melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) Kadar : RM10.00 (Cetakan dilakukan oleh Pembeli dan bayaran tidak dikembalikan) Tempoh Sah Laku : 90 hari	Tarikh : 6 Disember 2023 (Rabu) Masa : 12.00 Tengahari Tempat : Bahagian Pengurusan Daerah, Aras Satu, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan

3. Dokumen tawaran sebut harga yang telah lengkap diisi, berserta dokumen wajib (Lampiran B) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen Sebut Harga tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 6 Disember 2023 (Rabu)** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **Bil: PDTSPS/02/2023/(02)** di **Bahagian Pengurusan Daerah, Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan, 14200 Sungai Jawi, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
4. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit.
5. Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
6. Tawaran sebut harga tidak akan dipertimbangkan sekiranya Penyebut Harga :
 - i **LEWAT** mengemukakan tawaran sebut harga; dan
 - ii **GAGAL** mengemukakan **dokumen wajib** seperti yang dinyatakan dalam dokumen dan Borang Sebut Harga.
7. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.

**Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Seberang Perai Selatan**